



NOTIS MAKLUMAN

PENGEMASKINIAN GARIS PANDUAN PEMBIAYAAN PERUMAHAN LPPSA

Dimaklumkan bahawa, Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) telah mengemaskini Garis Panduan Pembiayaan Perumahan LPPSA melibatkan penambahbaikan berikut:

Klausa/ Perenggan	Butiran
12.5.1 hingga 12.5.3	Pindaan melibatkan tarikh kuat kuasa bayaran balik pembiayaan.
16 dan 16.2	Pindaan melibatkan urusan pelepasan dokumen sekuriti.
16.3 hingga 16.3.2	Penambahan peraturan mengenai urusan pemulangan lebihan baki kredit bagi kes kematian pelanggan.
Lampiran 2	Pengeluaran Senarai Semak Permohonan Mengikut Jenis Pembiayaan.

Oleh yang demikian, Garis Panduan Pembiayaan Perumahan LPPSA Bil. 1/2022 telah dibatalkan dan digantikan dengan **Garis Panduan Pembiayaan Perumahan LPPSA Bil. 1/2024** berkuat kuasa serta-merta.

Bagi memudahkan pelanggan untuk merujuk senarai semak permohonan pembiayaan, pelanggan boleh merujuk Panduan Permohonan Pembiayaan yang boleh diakses dalam laman web rasmi LPPSA di www.lppsa.gov.my > LPPSA MyFinancing > Pelanggan Baru > rujuk ruangan Dokumen Berkaitan > Senarai Semak Mengikut Jenis Pembiayaan atau melalui pautan terus [di sini](#).

Garis Panduan Pembiayaan Perumahan LPPSA Bil. 1/2024 boleh dimuat turun dari laman web rasmi LPPSA di www.lppsa.gov.my atau di pautan berikut:

<https://myfinancing.lppsa.gov.my/my/upload/Garis-Panduan-Pembiayaan-Perumahan-LPPSA-Bil.-1-2024.pdf>

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600 atau melalui Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA di <https://etiket.lppsa.gov.my/>.

2 JANUARI 2024